

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Kerugian Turutan Kebakaran. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Insurans Kepingan Kaca

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan bagi kepingan kaca di bilik pameran, pejabat dan bangunan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini akan menanggung rugi anda terhadap mana-mana kaca pecah oleh retakan ke seluruh ketebalan kaca itu disebabkan oleh sesuatu kemalangan or kecelakaan yang tidak dikecualikan di bawah polisi ini.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan, pendedahan risiko dan keperluan pengunderaitan Syarikat Insurans.

4. Apakah kadar dan caj yang saya perlu bayar?

Sebagai tambahan kepada premium, anda kena bayar:

- a. Cukai Barangan dan Perkhidmatan, jika ada
b. Duti Setem

Jumlah

0% daripada premium
RM 10.00

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 25% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kewajipan pendedahan** : anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan pada borang anda, jika tidak, polisi anda akan dianggap tidak sah dan dimansuhkan.

Anda harus memastikan borang lengkap sepenuhnya kerana ia mewakili kontrak asas insurans anda.

- Anda boleh menginsuranskan kepingan kaca anda berasaskan dasar Nilai Pasaran atau Nilai Penggantian

a) Dasar Nilai Pasaran – Nilai pasaran bagi kepingan kaca tolak pertimbangan wajar kerana haus dan lusuh dan/atau susutnilai.

b) Dasar Nilai Pengembalian Semula - Kos untuk mengganti dan membaiki kaca yang sama bentuk atau jenis tanpa tolak pertimbangan wajar kerana haus dan lusuh dan/atau susutnilai.

Sekiranya amoun yang diinsuranskan adalah kurang daripada harga sebenar semasa berlakunya kerugian, anda dikira menginsuranskan sendiri atas perbezaan tersebut.

- **Lebihan** – Amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami menanggung rugi anda.

- **Waranti premium** – Premium mesti di bayar dan di terima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- pemecahan disebabkan oleh kebakaran, gempa bumi, letusan gunung berapi
- pemecahan yang timbul daripada mogok, rusuhan atau kekecohan awam
- perang, perang saudara atau sebarang tindakan keganasan
- pemecahan yang timbul semasa pemindahan atau perubahan kepada kaca atau semasa perubahan kepada premis atau kelengkapan
- bingkai atau rangka dalam apa jua perihal sekalipun atau cost pemindahan mana-mana perkakas kelengkapan atau halangan lain
- kaca yang retak atau ketidaksempurnaan
- gangguan or kelewatan atau kerugian perniagaan atau kerosakan dalam apa jua jenis dalam tempoh yang berselang diantara berlakunya sesuatu pemecahan dan penggantian kaca

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan?

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan menyertakan butir-butir penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis atas tuntutan anda. Anda tidak boleh mengaku salah, menawar, berjanji, membayar pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada kami.

10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan?

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada kami bagi menilai tuntutan anda.

11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kecurian ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di www.mpigenerali.com

MPI Generali Insurans Berhad
 (Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)
8th Floor, Menara Multi-Purpose
Capital Square
No. 8, Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur

Tel: 03-2034 9888
 Fax: 03-2694 5758
 Email: generalenquiries@mpigenerali.com

12. Lain-lain perlindungan insurans serupa yang disediakan ?

- Insurans Kebakaran



MPI Generali Insurans Berhad (14730-X)

NOTA PENTING:

ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECEUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAH-FAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK. ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/06/2018